

01 OCT 2003

ELEKTRIK-GANGGUAN

TIDAK ADA UNSUR SABOTAJ DALAM GANGGUAN ELEKTRIK 1 SEPT

SHAH ALAM, 1 Okt (Bernama) -- Gangguan elektrik yang melibatkan lima negeri pada 1 Sept lepas tidak ada unsur-unsur sabotaj, kata pengerusi Tenaga Nasional Bhd (TNB), Datuk Awang Adek Hussin.

"Tidak ada unsur-unsur sabotaj. Banyak faktor-faktor lain yang terlibat," katanya kepada wartawan selepas meninjau kerja-kerja merentang tembok penghadang hakisan tanah di tebing Sungai Damansara di Seksyen 21 Shah Alam.

TNB inginkan kajian yang teliti dan paling telus serta tidak ada usaha untuk menyembunyi apa-apa yang berlaku, tambah beliau.

Menurutnya, laporan yang bersepadu mengenai apa yang berlaku telahpun siap dan diserahkan kepada kerajaan untuk dibenteng pada mesyuarat kabinet hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada gangguan elektik selama empat jam di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan itu.

Mengenai laporan bersepadu TNB yang diserahkan kepada kerajaan itu, Awang Adek berkata, ia melibatkan tiga kajian berasingan.

Laporan pertama dibuat oleh pihak pengurusan setelah diminta oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji dan mencari sebab kejadian itu, sementara yang kedua adalah hasil audit dalaman, iaitu kajian bebas dari pengurusan, kata beliau.

Yang terakhir adalah laporan dari unit penyiasatan khas TNB yang diminta mengkaji tentang aspek keselamatan dan kemungkinan sabotaj, jelas Awang Adek.

Laporan-laporan itu telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah TNB yang telahpun mengkaji dengan teliti ketiga-tiganya.

"Untuk proses yang telus and menetapi tadbir urus korporat yang bebas, Lembaga Pengarah juga membentuk jawatankuasa pengarah bebas yang diduduki tiga ahli lembaga pengarah bebas untuk membuat laporan yang bersepadu," kata beliau.

Awang Adek berkata, salinan laporan tersebut telahpun diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Beliau berkata, TNB akan membuat yang terbaik untuk mengatasi kelemahan sistem pembekalan elektrik negara dan untuk mengurangkan risiko gangguan elektrik seperti 1 Sept daripada berulang lagi.

Katanya, kerajaan juga akan meneliti dan mengambil langkah sewajarnya untuk menjamin bekalan tenaga elektrik.-- BERNAMA

MSL AHM